

Nama: _____ Kelas : _____

SULIT
Bahasa Melayu
Kertas 1
Set 2/2003
1 Jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH
PORTAL PENDIDIKAN UTUSAN 2003

BAHASA MELAYU
Ujian Pemahaman (Set 2)
Satu jam

Arahan Am:

1. Kertas soalan ini mengandungi 50 soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.
4. Fikir dengan teliti ketika memilih jawapan. Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan sehingga bersih tanda yang tidak dikehendaki itu dan kemudian bulatkan pilihan anda yang baru.

Tiap-tiap soalan diikuti oleh **empat** jawapan pilihan, iaitu **A, B, C, dan D**.
Antaranya ada **satu** jawapan saja yang betul. Pilih jawapan yang betul itu.

Soalan 1 hingga Soalan 5

Baca catatan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

25 April 2003

Kami bertolak dari pekarangan sekolah tepat jam 4.30 petang. Lebih kurang dua jam setengah perjalanan dengan bas yang disewa khas oleh pihak sekolah, kami tiba di Ulu Bendul, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Di sini kami mendirikan khemah, memasak, dan bermalam sebelum memulakan pendakian pada hari esoknya. Selain itu, sesi perkenalan dengan jurulatih telah diadakan.

26 April 2003

Kami telah dikejutkan oleh Ketua Ekspedisi, Cikgu Law seawal jam 6.00 pagi. Tepat jam 8.00 pagi iaitu setelah mendaftar diri di Pondok Kawalan Renjer, kami mengorak langkah demi langkah menyusuri laluan licin di tepi jeram serta tebing yang agak curam.

Sepanjang perjalanan kami dapat melihat suasana keliling yang amat menarik. Kami perlu berhati-hati kerana terdapat akar-akar kayu yang berselirat di atas tanah yang merintang laluan. Kami mungkin akan terjatuh jika kaki tersadung pada akar-akar tersebut.

Setelah menempuh pelbagai halangan dan cabaran, akhirnya kami tiba di puncak Gunung Angsi kira-kira pukul 11.00 pagi. Kami berehat sambil makan dan minum. Setelah hilang rasa letih kami melihat sekeliling puncak itu yang penuh dengan keindahan dan keunikan. Kami meninggalkan tempat itu sebelum matahari tenggelam. Kami tiba di tapak perkhemahan pada pukul 7.00 malam. Malam itu selepas menikmati makan malam kami tidur awal kerana keletihan.

27 April 2003

Selepas bersarapan, kami mengemaskan barang dan membersihkan kawasan tersebut. Kami bertolak pulang kira-kira jam 10.00 pagi.

1. Lebih kurang pukul berapakah penulis tiba di Ulu Bendul, Kuala Pilah?
 - A. 5.30 petang
 - B. 6.00 petang
 - C. 7.00 petang
 - D. 9.00 malam

2. Perkara-perkara yang berikut dilakukan oleh peserta ekspedisi pada hari pertama **kecuali**...
 - A. menyiapkan tempat berlindung.
 - B. menyediakan makanan.
 - C. memperkenalkan diri.
 - D. mengemaskan khemah

3. Para peserta perlu berhati-hati sewaktu melakukan pendakian kerana...
- A. terdapat banyak binatang buas di hutan itu.
 - B. tempat tersebut belum pernah diterokai orang.
 - C. laluan pendakian dirintangi akar-akar pokok.
 - D. suasana di kawasan tersebut sungguh gelap.
4. Pada pendapat anda, mengapakah peserta ekspedisi meninggalkan puncak Gunung Angsi sebelum matahari tenggelam?
- A. tidak tahan dengan suhu yang terlalu sejuk di puncak gunung tersebut
 - B. tidak mahu menghadapi kesukaran menuruni gunung tersebut dalam kegelapan malam
 - C. tidak ada apa-apa yang menarik untuk dinikmati di puncak gunung tersebut
 - D. ingin segera sampai ke tapak perkhemahan kerana para peserta sudah terlalu letih dan lapar
5. Perkataan *tersadung* dalam petikan bermaksud...
- A. tersungkur.
 - B. terseliuh.
 - C. terpijak.
 - D. tersepak.

Soalan 6 hingga Soalan 10

Baca syarahan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Yang Berbahagia Tuan Pengerusi Majlis, para hakim yang bijaksana, Guru Besar, guru-guru, serta rakan-rakan yang saya hormati. Selamat pagi dan salam sejahtera kepada semua.

Tajuk syarahan yang akan saya sampaikan pada hari ini ialah *Kembalikanlah Kedamaian Dunia Yang Telah Hilang*.

Hadirin sekalian,

Dunia kita pada hari ini sudah tidak aman lagi. Keganasan dan peperangan sudah menjadi sesuatu yang lumrah berlaku. Setiap hari, jika kita membaca akhbar atau menonton televisyen, berita tentang peperangan dan keganasan sering dijadikan tajuk utama. Peperangan demi peperangan yang meletus seperti tidak ada kesudahannya. Sebagai akibat peperangan, banyak nyawa yang terkorban. Selain itu, harta benda musnah manakala maruah negara tergadai. Biasanya, negara yang dilanda peperangan menjadi seperti padang jarak, padang tekukur.

Sebenarnya, sikap kuasa-kuasa besar yang ingin *menunjukkan taring* mereka merupakan punca utama tercetusnya peperangan. Apa-apa jua alasan yang diberikan oleh mereka hanyalah untuk mengaburi mata masyarakat antarabangsa. Hal ini jelas kerana peperangan bukanlah jalan terbaik untuk mencari penyelesaian. Banyak lagi cara lain yang boleh dilakukan asal saja kita bersungguh-sungguh dalam memelihara kedamaian.

Sebagai masyarakat yang prihatin, adakah kita harus berdiam diri? Sudah tentu jawapannya tidak. Kita perlu menyokong usaha pelbagai pihak untuk memastikan keamanan dunia terpelihara. Sokongan itu boleh dilakukan dalam banyak perkara. Sebagai contoh, kita harus memboikot produk atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh negara yang mencetuskan peperangan. Kita juga patut bersatu dengan mengadakan perarakan keamanan.

Tampaknya, setakat ini sajalah syarahan yang dapat saya sampaikan. Akhir kata, marilah kita bersama-sama bersatu tenaga demi mengembalikan kedamaian yang telah hilang.

Sekian terima kasih.

6. Yang berikut merupakan kesan buruk peperangan **kecuali**...
 - A. banyak mengorbankan nyawa.
 - B. menjejaskan ekonomi negara.
 - C. maruah negara tergadai.
 - D. menjadi tajuk utama media massa.

7. Rangkaian kata-kata *menunjukkan taring* bermaksud...
 - A. memperlihatkan kekuatan.
 - B. menonjolkan keistimewaan.
 - C. mendedahkan kebolehan.
 - D. membuka fikiran

8. Apakah sifat yang boleh dikaitkan dengan kuasa-kuasa besar yang mencetuskan peperangan?
 - A. tegas
 - B. angkuh
 - C. gopoh
 - D. kolot

9. Apakah mesej utama yang ingin disampaikan dalam syarahan tersebut?
- A. perangilah keganasan
 - B. peliharalah keamanan dunia
 - C. selesaikan masalah politik dunia
 - D. selamatkanlah maruah negara
10. Apakah yang seharusnya kita lakukan untuk menunjukkan bantahan terhadap negara yang mencetuskan peperangan?
- A. melancarkan serangan terhadap mereka
 - B. mengadakan tunjuk perasaan secara besar-besaran
 - C. menjatuhkan kuasa pemimpin mereka
 - D. memulaukan barangan atau perkhidmatan mereka

Soalan 11 hingga Soalan 15

Baca iklan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

MAJLIS DAERAH BERA

Permohonan adalah dipelawa kepada warganegara Malaysia (keutamaan kepada anak negeri) yang berkeelayakan bagi mengisi jawatan berikut:-

Jawatan	: Pembantu Teknik
Gred	: J4
Taraf jawatan	: Tetap
Kumpulan perkhidmatan	: Sokongan
Klasifikasi perkhidmatan	: Perkhidmatan kejuruteraan
Gaji permulaan	: RM 1 350.00

Syarat Lantikan:

- (a) Warganegara Malaysia.
- (b) Berumur antara 24 hingga 35 tahun.
- (c) Memiliki diploma dalam bidang Kejuruteraan dan Seni Bina atau Ukur Bahan atau lain-lain yang berkaitan.
- (d) Lulus Bahasa Malaysia termasuk ujian lisan pada peringkat SPM.
- (e) Kakitangan kerajaan yang memenuhi syarat yang tertentu.

Syarat Memohon:

- (a) Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang MD Bera 1/02 yang boleh didapati di Pejabat Daerah Bera, Simpang Kerayong, 28300 Triang, Pahang Darul Makmur.
- (b) Borang permohonan yang telah siap diisi hendaklah dihantar sebelum atau pada 15 Disember 2002.

11. Apakah tujuan iklan tersebut disiarkan?
- A menyediakan perkhidmatan teknikal
 - B menawarkan jawatan kosong
 - C memberikan peluang melanjutkan pelajaran
 - D menawarkan kemudahan pinjaman wang
12. Antara calon yang berikut, yang manakah paling berpeluang untuk mendapat jawatan tersebut?
- A pemegang diploma dalam bidang Kejuruteraan dan Seni Bina dari Kuala Lumpur
 - B pemegang diploma dalam bidang Ukur Bahan dari India
 - C pemegang diploma dalam bidang Ukur Bahan yang berumur 40 tahun
 - D pemegang diploma dalam bidang Kejuruteraan dan Seni Bina dari Kuantan
13. Bagaimanakah cara untuk memohon jawatan ini?
- A menghantar surat permohonan ke Pejabat Daerah Bera
 - B menghantar borang MD Bera 1/02 yang telah lengkap diisi
 - C menghadiri temu duga terbuka yang dijalankan
 - D menduduki ujian kelayakan yang disediakan
14. Lulus Bahasa Malaysia dan ujian lisan pada peringkat SPM merupakan antara syarat yang dikenakan. Pada pendapat anda, mengapakah syarat ini dikenakan?
- A membuktikan bahawa calon merupakan warganegara Malaysia
 - B memastikan bahawa calon seorang yang berpengalaman
 - C memastikan bahawa calon boleh berkomunikasi dengan baik dalam bahasa kebangsaan
 - D menunjukkan bahawa calon seorang yang berdisiplin dan berkeyakinan tinggi
15. Perkara-perkara yang berikut adalah benar tentang iklan di atas, **kecuali...**
- A tarikh tutup permohonan adalah pada 15 Disember 2002.
 - B jawatan ini hanya dibuka kepada rakyat negeri Pahang Darul Makmur sahaja.
 - C hanya mereka yang mempunyai kelayakan layak memohon.
 - D kakitangan kerajaan yang berpengalaman turut dipertimbangkan.

Soalan 16 hingga Soalan 20

Baca cerita di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Zahrul sudah tidak bersekolah lagi. Setelah gagal dalam peperiksaannya pada tahun lalu, Zahrul lebih banyak melepak bersama-sama dengan rakan-rakannya. Ada kalanya dia mengikut mereka melakukan kegiatan lumba haram.

Ayah dan ibu Zahrul, iaitu Encik Affendi dan Puan Jamaliah sudah puas menasihati anak tunggalnya itu. Namun segala nasihat mereka ibarat masuk telinga kanan, keluar telinga kiri. Zahrul langsung tidak mengendahkan segala nasihat kedua-dua orang tuanya.

Petang itu, sedang aku dan Dahlan sibuk mengulang kaji pelajaran di anjung rumah, tiba-tiba Puan Jamaliah tergopoh-gapah menghampiri kami. Wajahnya kelihatan cemas dan takut.

“Ibrahim, Dahlan...tolong panggilkan Pak Cik Affendi di kedai. Puan mak cik menghubunginya menerusi telefon, tetapi tiada berjawab,” pinta Puan Jamaliah dalam keadaan termengah-mengah.

“Apa halnya, mak cik? Cuba bawa bertenang dahulu,” aku dan Dahlan menasihati Puan Jamaliah.

“Zahrul...Zahrul kemalangan,” jerit Puan Jamaliah lalu *rebah* ke lantai.

Aku dan Dahlan saling berpandangan. Tanpa berlengah aku mencapai basikal lalu mengayuh selaju-lajunya menuju ke kedai Pak Cik Affendi.

16. Siapakah “aku” dalam petikan di atas?

- A. Zahrul
- B. Ibrahim
- C. Dahlan
- D. Encik Affendi

17. Berdasarkan petikan, Zahrul bolehlah disifatkan sebagai anak yang...

- A. malas.
- B. degil.
- C. pendiam.
- D. bijak.

18. Puan Jamaliah datang berjumpa dengan Ibrahim dan Dahlan untuk...

- A. menyuruh mereka datang ke rumahnya
- B. menyuruh mereka menasihati anaknya
- C. menyuruh mereka mencari suaminya
- D. menyuruh mereka merawat penyakitnya

19. Kata *rebah* bermaksud...

- A. duduk.
- B. baring.
- C. tidur.
- D. jatuh.

20. Yang berikut benar tentang Zahrul **kecuali**...

- A. banyak membuang masa.
- B. enggan menurut nasihat abang dan kakaknya.
- C. gagal dalam persekolahannya.
- D. terlibat dalam kegiatan yang menyalahi undang-undang.

Soalan 21 hingga Soalan 34

Pilih jawapan yang paling sesuai untuk diisi di tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

21. _____ mestilah sentiasa bersikap ramah mesra agar dapat menarik perhatian pelanggannya.

- A. Jurujual
- B. Juruhebah
- C. Jurutera
- D. Jurusolek

22. Persembahan kumpulan lawak jenaka itu telah berjaya _____ hati para penonton.

- A. mengubat
- B. mencuit*
- C. mencubit
- D. mengambil

23. “ Saya mengucapkan terima kasih kerana _____ sudi menolong saya,” kata Zamri kepada Sulaiman.

- A. kamu
- B. kami
- C. kita
- D. kalian

24. “_____ merasa amat dukacita atas penderitaan yang ditanggung oleh rakyat jelata,” titah Sultan Salahudin.
- A Baginda
 - B Hamba
 - C Patik
 - D Beta
25. Paras air di empangan itu semakin _____ akibat kemarau panjang.
- A. susur
 - B. surut
 - C. susut
 - D. kusut
26. Air mata Mak Munah _____ setelah dimaklumkan bahawa anak kesayangannya memperoleh keputusan yang cemerlang dalam UPSR.
- A. berlinangan
 - B. bercurahan
 - C. berhamburan
 - D. berguguran
27. Terpulanglah kepada kamu _____ hendak menyertai program itu _____ tidak.
- A. sungguhpun...tetapi
 - B. jangankan...pun
 - C. sama ada...ataupun
 - D. bukan saja...malah
28. Kesemua peserta mengambil bahagian dalam perbarisan itu _____ hujan lebat.
- A. ketika
 - B. kecuali
 - C. walaupun
 - D. semenjak

29. Kerja-kerja _____ Sungai Keli akan dilaksanakan tidak lama lagi.
- A mendalam
 - B pedalaman
 - C memperdalam
 - D mendalami
30. Poh Ling menggunakan hampir kesemua wang _____nya untuk membiayai pengajian adiknya di universiti.
- A. menyimpan
 - B. tersimpan
 - C. menyimpan
 - D. simpanan
31. Keadaan menjadi _____ apabila lampu di majlis itu terpadam secara tiba-tiba.
- A. gopoh-gapah
 - B. kelam-kabut
 - C. kusut-masai
 - D. mundar-mandir
32. Murid yang tidak menyiapkan kerja rumah itu _____ ketika menjawab pertanyaan Cikgu Ramlan.
- A terbahak-bahak
 - B terjerit-jerit
 - C tergagap-gagap
 - D terpekik-pekik
33. Sayur-sayuran banyak mempunyai khasiat. _____ kita digalakkan makan sayur-sayuran setiap hari.
- A Namun demikian
 - B Di samping itu
 - C Oleh yang demikian
 - D Walau bagaimanapun

34. Encik Sulaiman berasa bimbang dengan sikap anaknya yang malas belajar. _____ beliau telah menghantar anaknya itu mengikuti kursus motivasi pada musim cuti sekolah.
- A. Justeru
 - B. Walau bagaimanapun
 - C. Namun begitu
 - D. Tambahan pula

Soalan 35

*Pilih perkataan **seerti** bagi perkataan yang bergaris.*

35. Barangan kraf tangan yang dijual di situ sangat bermutu.
- A. antik
 - B. berharga
 - C. mahal
 - D. berkualiti

Soalan 36

*Pilih perkataan **berlawan** bagi perkataan yang bergaris.*

36. Pak Malim menusuk perut harimau itu dengan sebatang buluh runcing.
- A. membaham
 - B. membelah
 - C. menyentak
 - D. meragut

Soalan 37 dan Soalan 38

*Pilih **penjodoh bilangan** yang paling sesuai untuk diisi di tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.*

37. Ayah menghadiahi emak se_____kalung berlian dan se_____anting-anting.
- A. untai ... pasang
 - B. jambak ... biji
 - C. butir... pasang
 - D. potong... butir

38. Kakak mengambil _____ baja lalu menaburkannya di sekeliling pokok bunga itu.
- A. segemal
 - B. sekepal
 - C. segenggam
 - D. segumpal

Soalan 39

Pilih peribahasa yang paling sesuai untuk diisikan di tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah ini.

39. Ahli kongsi gelap itu telah _____ dengan melaporkan segala kegiatan kumpulannya kepada pihak polis.
- A. bertegang urat
 - B. berpaling tadah
 - C. bermasam muka
 - D. campur tangan

Soalan 40

Pilih peribahasa yang paling sesuai untuk pernyataan di bawah.

40. Amri berasa amat takut apabila lelaki yang berwajah bengis itu menghampirinya.
- A seperti hujan jatuh ke pasir
 - B seperti Belanda minta tanah
 - C seperti kucing dibawakan lidi
 - D seperti batu jatuh ke lubang

Soalan 41

Pilih jawapan yang paling sesuai kepada soalan yang bergaris.

41. Apakah ciri-ciri teman baik yang kamu inginkan?
- A. Teman baik saya semuanya baik-baik.
 - B. Sudah tentu saya perlukan teman baik.
 - C. Baik tingkah lakunya dan suka membantu.
 - D. Mempunyai ciri-ciri yang saya inginkan.

Soalan 42

Pilih soalan yang paling sesuai bagi jawapan yang bergaris

42. Sambutan Jubli Emas bandar itu akan diadakan pada awal bulan depan.

- A. Apakah sambutan yang akan diadakan awal bulan depan?
- B. Di manakah sambutan Jubli Emas bandar itu akan diadakan?
- C. Betulkah sambutan Jubli Emas itu akan diadakan pada awal bulan depan?
- D. Bilakah sambutan Jubli Emas bandar itu akan diadakan?

Soalan 43 dan Soalan 44

Pilih ayat yang menggunakan tanda baca yang betul.

43. A. " Hana! Apa yang kamu bualkan itu? Bukankah ketika saya sedang mengajar kamu tidak dibenarkan berbual-bual?" kata Cikgu Salim.
B. " Hana? Apa yang kamu bualkan itu? Bukankah ketika saya sedang mengajar, kamu tidak dibenarkan berbual-bual?" kata Cikgu Salim.
C. " Hana, apa yang kamu bualkan itu. Bukankah ketika saya sedang mengajar karnu tidak dibenarkan berbual- bual?" kata Cikgu Salim.
D. " Hana, apa yang kamu bualkan itu? Bukankah ketika saya sedang mengajar kamu tidak dibenarkan berbual-bual!" kata Cikau Salim.
44. A. " Kalau sudah beri sesuatu kepada orang lain, tidak boleh minta balik, itu buruk siku namanya," kata Shalina.
B. "Kalau sudah beri sesuatu kepada orang lain tidak boleh minta balik. Itu buruk siku namanya!" kata Shalina
C. "Kalau sudah beri sesuatu kepada orang lain, tidak boleh minta balik itu buruk siku namanya," kata Shalina.
D. "Kalau sudah beri sesuatu kepada orang lain. Tidak boleh minta balik, itu buruk siku namanya," kata Shalina

Soalan 45 dan Soalan 46

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang bergaris.

45. Kursus pengurusan yang dijalankan ini dapat membantu murid-murid merancang masa secara lebih bijak sebagai persediaan menghadapi masa hadapan.
- A. Menerusi kursus pengurusan ini, murid-murid yang bijak dapat membantu merancang masa hadapan yang akan dihadapi oleh mereka.
 - B. Pada masa hadapan, murid-murid dapat menjalankan kursus pengurusan bagi membantu merancang masa mereka yang kurang bersedia.
 - C. Sebagai persediaan menghadapi masa hadapan, murid-murid yang menjalani kursus pengurusan dapat membantu merancang masa dengan lebih bijak..
 - D. Murid-murid dibantu merancang masa secara lebih bijak bagi menghadapi hari muka menerusi kursus pengurusan yang dijalankan ini.
46. “Ayah bercadang untuk membawa kami sekeluarga bercuti di Pulau Tioman,” ujar Shaliza.
- A. Shaliza memberitahu bahawa dia dan keluarganya akan bercuti di Pulau Tioman.
 - B. Shaliza menerangkan bahawa ayahnya telah membawa dia dan keluarganya bercuti di Pulau Tioman.
 - C. Shaliza menyatakan rancangan ayahnya hendak membawa keluarganya bercuti di Pulau Tioman.
 - D. Shaliza mengajak ayahnya bercuti di Pulau Tioman bersama dengan keluarganya.

Soalan 47 dan Soalan 48

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

47. I Barang-barang yang dijaga dengan baik akan tahan lama.
II Jam tangan yang dipakainya tahan air.
III Hanya mereka yang tahan lasak saja akan dipilih.
IV Tahan perang itu ditempatkan di suatu kawasan terpencil.
- A. I dan II sahaja
 - B. I dan III sahaja
 - C. III dan IV sahaja
 - D. I, II dan III sahaja

48. I. Gulai ini hambar rasanya kerana tidak dibubuh garam.
II. Dia sering gagal dalam peperiksaan kerana bersikap hambar terhadap pelajaran.
III. Susah benar hendak mengajar budak yang hambar otaknya itu.
IV. Suara Cikgu Ghazali hambar saja ketika menyampaikan ucapan itu.
- A. I dan II sahaja
B. II dan III sahaja
C. I, II dan IV sahaja
D. I, III dan IV sahaja

Soalan 49 dan Soalan 50

Pilih ayat-ayat yang betul.

49. I. Ramai pelajar yang akan menyertakan perkhemahan itu.
II. Impiannya untuk mendaki Gunung Tahan akhirnya tercapai juga.
III. Majlis perkahwinan kakak diadakan secara besar-besar.
IV. Surat ini akan saya kirimkan kepada Rahimah.
- A. I dan II saja
B. II dan IV saja
C. II, III dan IV saja
D. I, II, III, dan IV
50. I. Barang-barang antik ini diimport daripada Australia.
II. Pada waktu lapang, kami gemar memancing ikan di tasik.
III. Cikgu Bahari selalu menegur anak murid-anak muridnya yang nakal.
IV. Kedua bandar itu dipisahkan oleh sebatang sungai.
- A. I dan II saja
B. II dan IV saja
C. III dan IV saja
D. I, II, III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT